

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

TABUNG KEWANGAN MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA,
MALAYSIA

PENYATA-PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN
31 DISEMBER 2024

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Maklumat Korporat	2
Laporan Berkanun Majlis	3
Laporan Juruaudit Bebas	4 - 7
Penyata Kedudukan Kewangan	8
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	9
Penyata Aliran Tunai	10 - 11
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	12 - 15

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

MAKLUMAT KORPORAT

Penaung	Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim
Pengerusi	Y.B. Loke Siew Fook
Timbalan Pengerusi	Y.B. Datuk Haji Hasbi Bin Habibollah
Setiausaha Agung	Puan Vanitha Mohan
Bendahari Kehormat	Encik Ahmed Ismail Bin Hj. Amin

JURUAUDIT

Hasnan & Co PLT (LLP0015801-LCA)(No. AF 0973)
Akauntan Bertauliah
Suite B3-2, Jalan Selaman 1
Dataran Palma, Off Jalan Ampang
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan

PEJABAT BERDAFTAR

Jabatan Keselamatan Jalan Raya
Galeria PjH, Aras 3, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya

BANK

CIMB Bank Berhad

No. Pendaftaran: 1767 (Selangor)

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

LAPORAN BERKANUN

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata-penyata kewangan di muka surat 8 hingga 15 telah disediakan dengan wajarnya supaya memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan urusan Majlis pada 31 Disember 2024 dan hasil kendalian serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut piawaian-piawaian perakaunan diluluskan yang berkaitan.

Bagi pihak Majlis


AHMED ISMAIL BIN HAJI AMIN
(BENDAHARI KEHORMAT)


PUAN VANITHA MOHAN
(SETIAUSAHA AGUNG)

Kuala Lumpur

Tarikh **25 APR 2025**


AKUAN BERKANUN

Saya, **AHMED ISMAIL BIN HAJI AMIN**, Bendahari yang bertanggungjawab ke atas rekod-rekod perakaunan dan pengurusan **Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia** dengan tulus ikhlas mengakui bahawa penyata-penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata-penyata kewangan di muka surat 8 hingga 15 adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa perkara ini adalah benar dan menurut syarat-syarat yang dikehendaki oleh Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh }
penama di atas }
AHMED ISMAIL BIN HAJI AMIN }
No. I/C : 521205-07-5385 }
di
dalam **AMPANG SELANGOR**
pada **25 APR 2025**

Dihadapan saya :

Pesuruhjaya Sumpah



Suite C5-M, Jalan Selaman 1
Dataran Palma
68000 Ampang, Selangor



No. Pendaftaran: 1767 (Selangor)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 8 hingga 15.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan Keperluan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas daripada Majlis selaras dengan Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) oleh Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Akauntan Antarabangsa untuk Akauntan -Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Ahli jawatankuasa pengurusan Majlis bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan AJK tetapi tidak termasuk penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit kami.



No. Pendaftaran: 1767 (Selangor)

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Majlis tidak meliputi Laporan AJK dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Majlis, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan AJK dan, dengan berbuat demikian, pertimbangkan sama ada Laporan AJK tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Majlis atau pengetahuan yang kami perolehi ketika audit atau sebaliknya kelihatan tersalah nyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan AJK, kami dikehendaki melaporkan hakikat itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Pengurusan terhadap Penyata Kewangan

AJK Majlis adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia dan keperluan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia. AJK juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan oleh AJK sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Majlis, AJK bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika AJK berhasrat untuk membubarkan Majlis atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka boleh dengan munasabah dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.



No. Pendaftaran: 1767 (Selangor)

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau isu mengatasi kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh AJK.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh AJK, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Majlis untuk meneruskan perniagaan yang sedang berjalan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Majlis atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Majlis untuk berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urusan niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan AJK mengenai, antara lain, skop audit yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.



No. Pendaftaran: 1767 (Selangor)

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain


Selaras dengan keperluan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia, Kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Majlis, sebagai sebuah badan, menurut Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.



HASANAN & CO PLT
(LLP0015801-LCA)(NO:AF 0973)
AKAUNTAN BERTAULIAH



ABDUL RAZI BIN MASRI
AKAUNTAN BERTAULIAH
[NO. 1813/03/27 (J)]
RAKANKONGSI FIRMA

Kuala Lumpur

Tarikh : 25 APR 2025

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024**

	<u>NOTA</u>	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
ASET BUKAN SEMASA			
Aset tetap	4	1,226.95	2,832.20
ASET SEMASA			
Lain-lain penghutang dan deposit	5	-	208,031.68
Simpanan tetap	6	812,951.79	792,558.67
Faedah simpanan tetap akan diterima	7	7,900.38	7,935.41
Tunai di tangan dan di bank		4,832,483.35	4,279,357.58
		5,653,335.52	5,287,883.34
LIABILITI SEMASA			
Lain-lain pemiutang dan bayaran terakru	8	65,558.85	70,123.15
		65,558.85	70,123.15
ASET SEMASA BERSIH		<u>5,587,776.67</u>	<u>5,217,760.19</u>
		<u>5,589,003.62</u>	<u>5,220,592.39</u>
 Dibiayai oleh :-			
TABUNG TERKUMPUL			
Baki pada 1.1.2024		5,220,592.39	4,032,760.63
Lebih/ (Kurangan) pendapatan dari perbelanjaan		368,411.23	1,187,831.76
		<u>5,589,003.62</u>	<u>5,220,592.39</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<u>NOTA</u>	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
<u>Pendapatan</u>			
Faedah daripada akaun semasa		40,722.90	40,859.63
Faedah simpanan tetap	9	20,358.09	18,795.13
Peruntukan daripada kerajaan		1,052,971.69	2,800,000.00
Sumbangan daripada sektor swasta		-	100.00
		<u>1,114,052.68</u>	<u>2,859,754.76</u>
<u>Tolak : Perbelanjaan</u>			
Alat tulis dan percetakan		521.00	3,186.50
Bantuan khas aidilfitri		1,000.00	1,400.00
Bantuan khas kewangan		4,000.00	1,400.00
Bantuan khas penjawat awam		-	600.00
Caj kurier		50.00	884.95
Caj perkhidmatan bank		58.50	54.00
EIS – majikan		148.80	139.70
Elaun sara diri		3,600.00	3,300.00
Gaji dan upah		63,600.00	61,385.41
Kempen keselamatan jalan raya		525,699.20	675,015.21
KWSP – majikan		9,828.00	9,335.00
Lain – lain		2,777.09	1,443.86
Langganan (Webserver)		-	763.20
Penalti		-	16.00
Pengangkutan		3,877.80	2,450.00
Peralatan pejabat		2,094.90	1,435.00
Perbelanjaan makan dan minum		119.00	2,008.25
Peruntukan MKJR negeri		100,000.00	880,000.00
Perubatan		3,000.00	2,750.00
Susutnilai		2,240.89	2,958.18
Sumbangan		-	1,500.00
SOCISO – majikan		1,302.00	1,236.90
Telefon dan pos		2,420.00	1,900.00
Tuntutan kerja lebih masa		388.25	375.30
Tuntutan perjalanan		2,652.82	11,285.54
Tuntutan elaun		192.20	-
Perbelanjaan Hari Memperingati Mangsa Kemalangan		10,671.00	-
Yuran audit		3,000.00	2,800.00
Yuran perakaunan		2,400.00	2,300.00
		<u>745,641.45</u>	<u>1,671,923.00</u>
LEBIHAN/ (KURANGAN) PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN		<u>368,411.23</u>	<u>1,187,831.76</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Baki wang tunai di bank 1 Januari	4,279,357.58	3,320,546.95
Simpanan tetap 1 Januari	792,558.67	775,736.23
<u>CAMPUR : PENERIMAAN TAHUN SEMASA</u>		
Faedah daripada akaun semasa	40,722.90	40,859.63
Faedah simpanan tetap	20,393.12	16,822.44
Peruntukan daripada kerajaan	1,052,971.69	2,800,000.00
Sumbangan daripada pihak swasta	-	100.00
	<u>1,114,087.71</u>	<u>2,857,782.07</u>
	6,186,003.96	6,954,065.25
<u>TOLAK : PEMBAYARAN TAHUN SEMASA</u>		
Alatulis dan percetakan	521.00	3,186.50
Bayaran audit dan akaun	9,800.00	8,800.00
Bayaran khas aidilfitri	1,000.00	1,400.00
Bayaran khas kewangan	4,000.00	1,400.00
Bantuan khas penjawat awam	-	600.00
Caj kurier	50.00	884.95
Caj perkhidmatan bank	58.50	54.00
Deposit pembelian topi keledar	-	208,031.68
EIS – majikan	148.80	140.30
Elaun sara diri	3,600.00	3,300.00
Gaji dan upah	63,600.00	61,385.41
Kempen keselamatan jalan raya	317,667.52	675,015.21
KWSP – majikan	9,828.00	10,679.00
Langgan (webserver)	-	763.20
Lain- lain	2,941.39	1,443.86
Pembelian aset tetap	635.64	-
Pengangkutan	3,877.80	2,450.00
Penalti	-	16.00
Peralatan pejabat	2,094.90	1,435.00
Perbelanjaan makan dan minum	119.00	2,008.25
Peruntukan MKJR negeri	100,000.00	880,000.00
Perubatan	3,000.00	2,750.00
Perbelanjaan Hari Memperingati Mangsa Kemalangan	10,671.00	-
Sumbangan	-	1,500.00
SOCISO – majikan	1,302.00	1,344.80
Telefon dan pos	2,420.00	1,900.00

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

**PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Tuntutan kerja lebih masa	388.25	375.30
Tuntutan perjalanan	2,652.82	11,285.54
Tuntutan Elaun	192.20	-
	<u>540,568.82</u>	<u>1,882,149.00</u>
	<u>5,645,435.14</u>	<u>5,071,916.25</u>
<u>DIWAKILI OLEH :</u>		
Simpanan tetap 31 Disember	812,951.79	792,558.67
Wang tunai di tangan dan di bank pada 31 Disember	4,832,483.35	4,279,357.58
	<u>5,645,435.14</u>	<u>5,071,916.25</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

1. MAKLUMAT AM

Matlamat utama Majlis adalah merangsang dan menggalakkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan pengguna jalan raya di seluruh Malaysia bagi tujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Alamat berdaftar Majlis ialah seperti yang tertera di muka surat 2 (maklumat korporat).

Penyata kewangan Majlis dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ('RM') yang merupakan matawang fungsi Majlis.

2. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Majlis telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ('MPERS') dan mematuhi keperluan Akta Pertubuhan, 1966 di Malaysia. Penyata kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam dasar perakaunan.

b) Aset tetap dan susutnilai

Aset-aset tetap disusutnilai atas dasar garis lurus untuk menghapuskan kos atas nilai aset dalam jangka masa jangkaan kegunaan aset-aset tersebut. Kadar-kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut :-

Kelengkapan pejabat	20%
Komputer	33.33%

c) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank dan simpanan tetap.

d) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan Majlis dikelaskan sebagai liabiliti kewangan lain.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

2. DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

d) Liabiliti kewangan (Sambungan)

Liabiliti kewangan lain

Liabiliti kewangan lain Majlis termasuk pemiutang lain.

Pemiutang lain diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama ditambah kos urusan secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif.

Bagi liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan apabila liabiliti dinyahiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama dengan syarat yang berbeza, atau terma liabiliti sedia ada diubah secara ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dikira sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam jumlah yang dibawa masing-masing diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

e) Pendapatan

Pendapatan Majlis adalah terdiri daripada pendapatan sumbangan-sumbangan, pemberian peruntukan, faedah pertaruhan tetap dan derma yang diterima.

3. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPERS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Pindaan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan. Tiada bahagian penting dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

4. ASET TETAP

<u>2024</u>	Kelengkapan <u>pejabat</u> RM	<u>Komputer</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
KOS			
Baki pada awal tahun	44,837.00	38,585.00	83,422.00
Tambahan	144.64	491.00	635.64
Baki pada akhir tahun	44,981.64	39,076.00	84,057.64
SUSUTNILAI TERKUMPUL			
Baki pada awal tahun	42,118.85	38,470.95	80,589.80
Tambahan	2,111.56	129.33	2,240.89
Baki pada akhir tahun	44,230.41	38,600.28	82,830.69
NILAI BUKU BERSIH	751.23	475.72	1,226.95
<u>2023</u>			
NILAI BUKU BERSIH	2,718.15	114.05	2,832.20
Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023	2,752.20	205.98	2,958.18

5. LAIN-LAIN PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Deposit pembelian topi keledar dewasa Pulau Pinang	-	58,300.00
Deposit pembelian topi keledar dewasa Putrajaya	-	149,731.68
dan dewasa serta kanan-kanak Sabah dan Sarawak	-	208,031.68

6. SIMPANAN TETAP

<u>Bank</u>	<u>No. Akaun</u>	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Affin Bank Berhad	30-002-003214-3	215,446.56	209,782.44
Affin Bank Berhad	30-049-001189-1	142,459.56	138,689.66
Ambank (M) Berhad	8881003394332	161,900.62	157,951.82
Ambank (M) Berhad	8881004177087	293,145.05	286,134.75
		812,951.79	792,558.67

MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
(Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966)

7. FAEDAH SIMPANAN TETAP AKAN DITERIMA

<u>Bank</u>	<u>No. Akaun</u>	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Affin Bank Berhad	30-002-003214-3	1,354.66	1,270.19
Affin Bank Berhad	30-049-001189-1	1,850.04	1,801.08
Ambank (M) Berhad	8881003394332	2,118.01	2,810.24
Ambank (M) Berhad	8881004177087	2,577.67	2,053.90
		<u>7,900.38</u>	<u>7,935.41</u>

8. LAIN-LAIN PEMIUTANG DAN BAYARAN TERAKRU

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Bayaran terakru:		
Yuran audit dan akaun terakru	5,400.00	9,800.00
SOCOS terakru	-	139.50
EIS terakru	(1.40)	23.40
KWSP terakru	132.00	132.00
Lain-lain pemiutang:		
Peruntukan kepada MKJR Negeri (Johor)	20,028.25	20,028.25
Peruntukan MKJR Negeri (Sabah) terakru	40,000.00	40,000.00
	<u>65,558.85</u>	<u>70,123.15</u>

9. FAEDAH SIMPANAN TETAP

	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
Faedah diterima dalam tahun ini	20,393.12	16,822.44
Tambah:		
Faedah akan diterima tahun ini	<u>7,900.38</u>	<u>7,935.41</u>
		24,757.85
Tolak:		
Faedah akan diterima tahun lepas	<u>(7,935.41)</u>	<u>(5,962.72)</u>
	<u>20,358.09</u>	<u>18,795.13</u>